

# Buka puasa terpanjang di Temerloh bakal dicatat dalam MBOR

Oleh [Roselan Ab Malek](#) - April 6, 2024 @ 8:55am  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Kawasan Esplanade 1 dan 2 Temerloh di sepanjang tebing Sungai Pahang, penuh dengan orang ramai setiap petang untuk berbuka puasa. - Foto NSTP/Roselan Ab Malek

TEMERLOH: Majlis Perbandaran Temerloh (MPT) sekali lagi bakal menempa nama dalam Malaysia Book Of Records (MBOR) menerusi majlis iftar anjurannya untuk diisytihar sebagai terpanjang di negara ini.

MPT hari ini menganjurkan majlis berbuka puasa di Esplanade 1 dan 2 di sepanjang tebing Sungai Pahang sejauh 1.1 kilometer.

Yang Dipertua MPT, Suris Mihat, berkata Esplanade menjadi pilihan utama penduduk Temerloh untuk berbuka puasa dan sesak setiap hari sepanjang Ramadan.

"Disebabkan kehadiran besar orang ramai untuk berbuka puasa, MPT cuba untuk masuk dalam MBOR," katanya sambil menambah tempat itu dijangka bertambah sesak hari ini apabila semakin ramai anak perantau pulang ke kampung.

Wakil MBOR akan mengesahkan sama ada ia majlis iftar terpanjang, petang ini.

Suris berharap kawasan itu dapat memuatkan kira-kira 3,000 orang pengunjung untuk berbuka puasa dan MPT turut menawarkan cabutan bertuah dan agihan bubur lambuk.

Katanya, penyenaiaan dalam MBOR adalah antara usaha MPT mempromosikan Temerloh popular dengan hidangan ikan patin air tawar.

Selain itu, daerah ini mempunyai pelbagai tarikan unik lain seperti titik tengah Semenanjung.

Pada 17 Disember lalu, Pekan Sehari Temerloh di Lurah Semantan dinamakan sebagai pasar pagi terpanjang sejauh 2.1 kilometer dengan bilangan peniaga terbesar seramai 660 orang.